

05 MAY 1998

Mahathir-Retak

TIADA KERETAKAN, KATA DR MAHATHIR TENTANG HUBUNGAN DENGAN ANWAR

KUALA LUMPUR, 5 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan sekali lagi bahawa tidak ada keretakan dalam hubungannya dengan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Tiada keretakan (dengan Anwar), setiap pagi kami duduk bersama -- saya, Anwar dan Daim (penasihat ekonomi kerajaan) dan kami putuskan apa yang perlu kami lakukan bersama," katanya.

"Tetapi tak kiralah macam mana pun kami lakukan, malah kalau saya cium dan peluk beliau di depan khalayak ramai setiap masa pun, mereka tetap mengatakan ada keretakan, kerana inilah yang hendak mereka lihat," kata beliau kepada pemberita selepas melancarkan Asnita, tabung amanah saham untuk wanita yang pertama di Malaysia.

Beliau menyatakan demikian ketika menjawab soalan seorang wartawan CNBC mengenai hubungannya dengan Anwar, yang juga Menteri Kewangan.

Mengenai tanggapan kononnya beliau "menyanyi tidak seirama" dengan Anwar, Dr Mahathir berkata: "Itu salah. Mungkin cara beliau menyampaikannya berbeza bunyinya, tetapi pada asasnya ia tetap sama."

Mengenai tanggapan wartawan itu tentang kewujudan sikap yang mementingkan rakan-rakan dan suku-sakat dalam kerajaan, Dr Mahathir berkata perkara itu tidak ada sama-sekali.

Beliau berkata kerajaan, yang mengamalkan konsep Persyarikatan Malaysia, mempunyai tanggungjawab untuk membantu sesiapa dan mana-mana syarikat yang menghadapi masalah kerana mereka telah menyumbangkan 28 peratus daripada keuntungan mereka kepada pendapatan kerajaan.

"Kenapa kita tidak harus menolong mereka, kita tidak melabur dalam perusahaan dan perniagaan mereka... tetapai apabila mereka membuat keuntungan, 28 peratus daripadanya untuk kerajaan. Kita membantu semua," katanya.

Dr Mahathir menyangkal dakwaan yang beliau telah membantu anaknya Mirzan, yang memiliki Konsortium Perkapalan Bhd, dalam pengambilalihan perniagaan perkapalannya oleh Petronas.

"Kita membantu mana-mana syarikat perniagaan yang menghadapi masalah... ini keputusan bercorak perniagaan... anda kena lihat sama ada ia tindakan pilih kasih, iaitu memberi wang dengan begitu sahaja, atau adakah ia satu tindakan komersil," katanya.

"Tolonglah lihat betul-betul apa yang sedang dilakukan. Tindakan itu bukan kerana dia anak saya. Akhbar barat gemar membuat pembuka kata dengan mendakwa pemimpin Asia semuanya rasuah, yang hanya membelanjakan wang untuk anak-anak mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau mempunyai banyak anak dan anggota keluarga yang miskin, lalu mempelawa wartawan datang melihat sendiri corak penghidupan mereka.

"Mereka tidak sepatutnya hidup dengan cara begitu jika saya orang yang membelanjakan wang kerajaan untuk anggota keluarga saya sendiri... saya tidak buat begitu," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

SHO ARA RN NMO